

19/06/2000

## Ciri-ciri Melayu maju

KUALA LUMPUR, Ahad - Orang Melayu perlu meningkatkan kesedaran, menghormati ilmu pengetahuan, jati diri, disiplin diri dan percaya kepada kekuatan diri untuk menjadi Melayu Maju. Mereka juga perlu bersyukur dengan segala nikmat yang dikurniakan.

Ciri-ciri Melayu Maju ini dinyatakan oleh Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM), Profesor Adnan Nawang, berhubung andaian sesetengah pihak bahawa sikap masyarakat Melayu sudah tercicir daripada nilai kemelayuan selepas menikmati kejayaan hasil pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Orang Melayu perlu bersikap terbuka, memahami keadaan sezaman dan menghormati ilmu pengetahuan," tegasnya.

Menurutnya sesebuah bangsa akan hancur jika mereka tidak menghormati ilmu dan tidak mahu menerima perubahan ke arah kebaikan.

Oleh itu, untuk maju, orang Melayu memerlukan banyak perubahan dalam pelbagai bidang dan mengeneppikan perkara remeh-temeh yang boleh menghalang kemajuan.

Ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui perubahan dalam budaya Melayu menyebabkan mereka mula menggelongsor ke arah kemusnahan. Langkah yang perlu diambil ialah cuba mencipta dan menyemai budaya baru yang lebih mampu melawan nafsu dan mengatasi cabaran hidup sebagai penduduk bandar yang mewah.

Menurutnya, tanpa disiplin sesuatu bangsa tidak mungkin dapat mengekalkan kemerdekaannya. Melayu yang ingin terus maju, mendirikan masa depan yang cemerlang; Melayu yang ingin menebus maruah dan mengekalkannya mestilah berdisiplin, mesti membendung nafsu, mesti sanggup berkorban untuk kebaikan masa depan bangsa, agama dan tanah air.

Presiden Persekutuan Syarikat Senarai Awam (FPLC), Megat Najmuddin Megat Khas pula mengakui orang Melayu ketinggalan dari segi moral, kemuliaan jiwa dan ketulusan tingkah laku walaupun sesetengah mereka berjaya mengecapi nikmat hasil DEB.

"Benar DEB berjaya mencapai sasarannya dari segi kebendaan. Malangnya orang Melayu sudah mula melupakan leluhur bangsa.

"Walaupun DEB berjaya meningkatkan taraf ekonomi Melayu, tapi gagal meningkatkan tahap pemikiran rakyat," katanya.